

**NO. SOALAN: 244**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID**  
**[ PADANG TERAP ]**

**SOALAN NO. 244**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menjelaskan secara terperinci kewajaran mewajibkan guru Bahasa Inggeris untuk menduduki ujian MUET dan adakah ianya akan diwajibkan untuk semua guru tanpa mengira opsyen mereka ataupun tidak.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, semua guru opsyen bahasa Inggeris perlu berada pada tahap minimum *Common European Framework of References for Languages* (CEFR) iaitu pada tahap C1. Oleh itu, semua guru opsyen bahasa Inggeris yang belum mengetahui tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka serta belum mencapai tahap minimum CEFR C1 perlu menduduki ujian penguasaan bahasa Inggeris. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil.6 Tahun 2017 menyatakan senarai ujian yang boleh diduduki oleh guru opsyen bahasa Inggeris bagi mengetahui tahap penguasaan mereka dalam bahasa Inggeris dan antaranya ialah *Malaysian University English Test (MUET)*, *International English Language Testing System (IELTS)*, dan *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*.

**NO. SOALAN: 244**

Walau bagaimanapun, penggunaan MUET adalah digalakkan atas sebab-sebab berikut:

1. Merupakan ujian profisiensi yang disediakan menggunakan kepakaran tempatan;
2. Merupakan satu ujian berbentuk *paper-based* yang biasa digunakan oleh guru (bukan dalam talian);
3. Dilaksanakan di seluruh Malaysia sebanyak tiga kali setahun; dan
4. Merupakan ujian menguji tahap penguasaan yang paling murah (RM100).

Sekian, terima kasih.

RT28/244